



[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

Gelangsar gantri tumbang dan menggelungsur dari landasan di tapak projek landasan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya di Jinjang, malam kelmarin.

Pekerja maut gelangsar gantri tumbang

Kuala Lumpur: Seorang maut, manakala seorang lagi cedera apabila gelangsar gantri di tapak pembinaan landasan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya (MRT SSP) di Jinjang di sini, menggelungsur dan jatuh, malam kelmarin.

MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd (MMC Gamuda) dalam satu kenyataan semalam, memberitahu kedua-dua mangsa sedang mengendalikan gelangsar gantri berkenaan pada jam 11.40 malam.

"Kedua-dua mangsa dikejarkan ke hospital, namun seorang daripadanya disahkan meninggal dunia. Seorang lagi mangsa dilaporkan dalam keadaan stabil," kata kenyataan itu.

Katanya, insiden itu tidak membabitkan orang awam.

"Tapak pembinaan di bawah

Pakej Kerja V203 dan kontraktor pakej kerja (WPC) itu adalah pihak IJM Construction Sdn Bhd.

"Susulan kejadian itu, pihak MMC Gamuda sebagai Rakan Penghantaran Projek (PDP) pembinaan MRT SSP bersama MRT Corporation Sdn Bhd kini sedang menjalankan siasatan berhubung punca sebenar insiden terbabit," katanya.

Pertingkat keselamatan

Kenyataan itu menyebut, penggunaan gelangsar gantri di tapak MRT memang mengikut prosedur keselamatan ketat dan disahkan selamat.

"Bagaimanapun, bagi mengelak kejadian sama berulang, kita akan pertingkatkan lagi prosedur dan pemeriksaan keselamatan di semua gelangsar gantri yang sedang digunakan di

tapak projek.

"Selain itu, pihak MMC Gamuda dan MRT Corporation menzahirkan simpati dan takziah kepada keluarga mangsa, malah kita akan berikan segala bantuan diperlukan kepada mereka," katanya.

Terdahulu, pasukan bomba menggerakkan aset bersama 30 pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang, Sri Hartamas dan Hang Tuah ke lokasi untuk kerja menyelamat.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahman, berkata seorang pekerja dilaporkan jatuh, manakala dua lagi pekerja terselamat masih berada pada gelangsar gantri dengan ketinggian kira-kira 12 meter.

"Anggota kita terpaksa menggunakan jentera Turn Table Ladder untuk menurunkan ke-

dua-dua mangsa. Seorang daripadanya cedera pada kaki, manakala seorang lagi tiada kecederaan.

"Mangsa terakhir berjaya diturunkan sekitar jam 1.15 pagi dan operasi menyelamat ditamatkan sepenuhnya pada jam 2 pagi tadi (semalam)," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Sentul, Superintendent Mohamed Rafiq Mohamed Mustafa berkata terdapat 28 pekerja, termasuk lapan pekerja warga asing berada di tapak pembinaan terbabit ketika kejadian.

"Kejadian itu menyebabkan seorang pekerja maut, manakala seorang cedera di kaki akibat tersepit. Mangsa yang tersepit diselamatkan pasukan bomba sebelum dihantar ke Hospital Selayang untuk rawatan," katanya.